



26 JAN, 2023

## TNB raih Anugerah Emas AIGA

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

# TNB raih Anugerah Emas AIGA

**PETALING JAYA** – Tenaga Nasional Berhad mendapat pengiktirafan negara apabila muncul antara lima pemenang Emas Tertinggi Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) Kebangsaan 2022 di Kuala Lumpur pada 18 Januari lalu.

Pencapaian itu memahat pencapaian TNB dalam komitmennya terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus, khususnya tata kelola dan sahsiah diri warga kerja melalui pelaburan meningkatkan integriti organisasi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Baharin Din menyifatkan anugerah itu sebagai penghargaan bernilai kepada

pematuhan warga kerja TNB terhadap pelbagai inisiatif memperteguh organisasi, termasuk menjadikan integriti sebagai teras budaya kerja.

"TNB secara berterusan mengambil pelbagai inisiatif dalam memperteguh integriti termasuklah melaksanakan program seperti bengkel dan latihan, penambahbaikan sistem kerja dan pentadbiran, tindakan penguatkuasaan serta membangunkan budaya kerja terpuji," katanya dalam satu kenyataan.

Baharin menerima anugerah anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) itu daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fa-

dillah Yusof di Auditorium IIM.

AIGA Kebangsaan yang julung kali diadakan menerima 116 penyertaan daripada sektor awam dan swasta bagi mengukur komitmen, usaha serta keberkesanan inisiatif integriti dan tata kelola organisasi.

Antara inisiatif integriti TNB ialah memperolehi pensijilan ISO 37001 'Anti Bribery Management System' daripada SIRIM QAS International; membangunkan Integrity Health Index bagi mengukur tahap integriti secara objektif dan melatih pegawai di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menjadi pegawai integriti bertauliah.



**BAHARIN** (dua, kiri) menerima anugerah yang disampaikan Fadillah di Auditorium IIM, Kuala Lumpur baru-baru ini.